

Kabinet bincang cadangan wujud semula sekolah aliran Inggeris

104 49 MAY 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 8 Mei — Kerajaan akan mengumpulkan pandangan orang ramai termasuk hasil kajian pelbagai pihak sebelum memutuskan rancangan untuk mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat jemaah menteri hari ini ada menyentuh secara umum mengenai cadangan tersebut dan bersetuju bahawa maklum balas orang ramai diperlukan untuk menentukan tindakan selanjutnya.

Katanya, kerajaan akan akur dan bersedia mematuhi kehendak rakyat jika ramai yang menolak pengwujudan semula sekolah aliran Inggeris atas alasan menjaga kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

● Lagi reaksi di muka

“Kita hendak tahu apa reaksi orang ramai. Ada yang kata tidak dapat kerja bukan kerana tidak tahu bahasa Inggeris. Tak tahulah betul atau tidak tetapi kita kena tahu reaksi rakyat.

“Kalau orang kata lebih utama bahasa kebangsaan daripada dapat kerja, jadi kita patuhlah apa kata orang,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemherita selepas menerima kunjungan dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Lebanon, Rafic Hariri di Kompleks Seri Perdana di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar dibincangkan pada mesyuarat kabinet hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, isu itu tidak dibincangkan secara terperinci tetapi secara umum

bagi mendengar pandangan orang ramai mengenainya.

“Cuma kita sentuh sikit sahaja kerana kita hendak tahu apa reaksi orang ramai,” katanya.

Cadangan tersebut yang diutarakan oleh Awang Sulung dalam ruangan *Bisik-Bisik Mingguan Malaysia* Ahad lalu mendapat reaksi pelbagai pihak yang menyokongnya, manakala, sesetengah tokoh akademik Melayu membantah kerana dikhuatiri akan menjiskan kedudukan bahasa Melayu dan melebarkan jurang antara masyarakat.